

## SURAH HARI KIAMAT



Surah: 69 Juzuk: 29 Bil. Ayat: 52

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.*

1. Hari kiamat.<sup>(1)</sup>
2. Apakah hari kiamat itu?
3. Dan tahukah engkau apakah hari kiamat itu?
4. Kaum Thamud dan ‘Aad telah mendustakan hari kiamat.
5. Adapun kaum Thamud, mereka telah dibinasakan dengan suara yang sangat keras.<sup>(2)</sup>
6. Adapun kaum ‘Aad, maka mereka telah dibinasakan dengan angin taufan yang sangat sejuk.
7. Allah menimpakan angin itu kepada mereka tujuh malam lapan hari terus-menerus. Engkau perhatikan kaum ‘Aad pada waktu itu mati bergelimpangan, seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang kosong (lapuk).
8. Maka adakah engkau perhatikan seorang pun yang masih hidup di antara mereka?
9. Kemudian datang Firaun dan orang yang sebelumnya serta

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

لِالْحَاقَّةِ ①

مَا لِلْحَاقَّةِ ②

وَمَا أَدْرَاكَ مَا لِلْحَاقَّةِ ③

كَذَّبَتْ ثَمُودُ بِوَءَادٍ بِالْقَارِعَةِ ④

فَأَمَّا ثَمُودُ فَاتَّكَبُوا بِطَغْوَاهِ ⑤

وَأَمَّا عَادٌ فَاتَّكَبُوا بِرِجِّ صَرَصَرٍ عَاتِيَةٍ ⑥

سَحَّرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَتَمَنِيَةً أَيَّامٍ حُسُومًا فَتَرَى ⑦

الْعُومَ فِيهَا صَرعى كَانَهُمْ عِجَابٌ تُخِلُّ جَاوِيَهُ ⑧

فَهَلْ تَرَى لَهُم مِّنْ بَاقِيَةٍ ⑨

وَجَاءَ فِرْعَوْنُ وَمَنْ قَبْلَهُ، وَالْمُؤْتَفِكَتْ بِالْحَاطَةِ ⑩

1 Hari kiamat (al-Haaqqah) menurut bahasa bererti “yang pasti terjadi”. Hari kiamat dinamakan al-Haaqqah kerana ia pasti terjadi.

2 Kejadian luar biasa ialah petir yang amat keras yang menyebabkan suara yang dahsyat yang menghancurkan.

penduduk negeri-negeri yang telah diterbalikkan kerana kesalahan yang besar.

10. Maka mereka menderhakai utusan Tuhan mereka, lalu Allah menyeksa mereka dengan seksaan yang sangat keras.
11. Sesungguhnya ketika air melimpah naik (ke gunung), kami membawa (nenek moyang) kamu ke dalam kapal.
12. Supaya Kami jadikan (peristiwa itu) sebagai pengajaran bagi kamu dan agar diberi perhatian oleh telinga yang mahu mendengar.
13. Maka apabila sangkakala ditiup dengan sekali tiupan.
14. Dan diangkatkan bumi serta gunung-ganang lalu dihancurkan kedua-duanya dengan sekali hentaman.
15. Maka pada hari itu terjadilah hari kiamat.
16. Dan terbelahlah langit kerana pada hari itu langit menjadi rapuh.
17. Para malaikat berada di setiap penjurunya. Pada hari itu lapan malaikat menjunjung Arasy Tuhanmu di atas (kepala) mereka.
18. Pada hari itu, kamu dihadapkan (kepada Allah) tiada sesuatu pun yang tersembunyi (bagi Allah).

فَعَصَوْا رَسُولَ رَبِّهِمْ فَأَخَذَهُمُ أَخَذَةً رَابِيَةً ﴿١٠﴾

إِنَّا لَمَّا طَغَا الْمَاءُ حَمَلْنَاكِ فِي الْبَارِيَةِ ﴿١١﴾

لِنَجْعَلَهَا لَكُمْ تَذَكَّرًا وَنُعِيَهَا أُذُنًا وَعِيَةً ﴿١٢﴾

فَإِذَا نُفِخَ فِي الصُّورِ نَفْخَةٌ وَاحِدَةٌ ﴿١٣﴾

وَحُمِلَتِ الْأَرْضُ وَالْجِبَالُ فَدُكَّتَا دَكَّةً وَاحِدَةً ﴿١٤﴾

فِيَوْمَئِذٍ وَقَعَتِ الْوَاقِعَةُ ﴿١٥﴾

وَأَنشَقَّتِ السَّمَاءُ فَهِيَ يَوْمَئِذٍ وَاهِيَةٌ ﴿١٦﴾

وَالْمَلَائِكَةُ عَلَىٰ أَرْجَائِهَا يُحْمَلُونَ وَعَرْشُ رَبِّكَ فَوْقَهُمْ  
يَوْمَئِذٍ مُّتَيْنَةٌ ﴿١٧﴾

يَوْمَئِذٍ تُعْرَضُونَ لَا تَخْفَىٰ مِنْكُمْ آفِيَةٌ ﴿١٨﴾

19. Maka adapun orang yang diberikan kitab amalannya pada tangan kanannya, maka dia akan berkata: Ambillah, bacalah kitab amalanku ini.
20. Sesungguhnya aku yakin, (pada suatu saat) bahawa aku akan menerima perhitungan terhadap diriku.
21. Maka dia berada dalam kehidupan yang diredai.
22. Di dalam syurga yang tinggi.
23. Buah-buahannya dekat untuk dipetik.
24. (Dikatakan kepada mereka): «Makan dan minumlah dengan nikmat kerana (kebaikan) yang telah kamu lakukan pada hari-hari yang telah lalu (di dunia)».
25. Adapun orang yang memberikan kitab amalannya dengan tangan kirinya, maka dia akan berkata: «Alangkah baiknya jika kitab amalan ini tidak diberikan kepadaku.
26. «Dan aku tidak mengetahui bagaimana perhitunganku.
27. «Alangkah baiknya jika kematianku di dunia dahulu penyudah segala sesuatu.
28. «Harta kekayaanku tidak sama sekali berguna bagiku.
29. Kekuasaanku telah hilang daripadaku».

فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ ۖ فَيَقُولُ هَذَا مَا أقرُّوْا  
كَلِيْمَةً ﴿١٩﴾

إِنِّي ظَنَنْتُ أَنِّي مُلَاقٍ حِسَابِيَّةٍ ﴿٢٠﴾

فَهُوَ فِي عِيشَةٍ رَاضِيَةٍ ﴿٢١﴾

فِي جَنَّةٍ عَالِيَةٍ ﴿٢٢﴾

فَطَوْفُهُمْ أَدْنَابٌ ﴿٢٣﴾

كُلُوا وَاشْرَبُوا هَنِيئًا بِمَا أَسْلَفْتُمْ فِي الْأَيَّامِ  
الْخَالِيَةِ ﴿٢٤﴾

وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِشِمَالِهِ ۖ فَيَقُولُ يَلَيْتَنِي لَأُوْتِ  
أُوْتِ كِتَابِيَةٍ ﴿٢٥﴾

وَلَأُوْدِرَ مَا حِسَابِيَةٍ ﴿٢٦﴾

يَلَيْتَهَا كَانَتْ الْفَاقِصِيَّةَ ﴿٢٧﴾

مَا آغَى عَنِّي مَالِيَةٌ ﴿٢٨﴾

هَلَاكَ عَنِّي سُلْطَانِيَّةٌ ﴿٢٩﴾

30. (Lalu Allah berfirman):  
«Tangkaplah dia lalu belenggulah tangannya ke lehernya.
31. Kemudian bakarlah dia di dalam neraka Jahim.
32. «Kemudian, belitlah dia dengan rantai besi yang panjangnya tujuh puluh hasta.
33. Sesungguhnya dialah orang yang tidak beriman kepada Allah Yang Maha Agung.
34. «Dan dia juga tidak mendorong (dirinya dan orang lain) untuk memberi makan kepada orang miskin.
35. «Maka pada hari ini, tiada seorang pun teman (yang dapat menolongnya).
36. «Dan tiada makanan (baginya) kecuali darah dan nanah.
37. Tidak ada yang memakannya kecuali orang yang berdosa.
38. Maka Aku bersumpah demi apa yang kamu lihat.
39. Dan demi apa yang kamu tidak lihat.
40. Sesungguhnya (al-Quran) itu benar-benar wahyu yang diturunkan kepada Rasul yang mulia.
41. Dan bukanlah (al-Quran) itu perkataan seorang penyair, sedikit sekali kamu beriman kepadanya.

خُدُوهُ فَعُلُوهُ ﴿٣٠﴾

ثُمَّ الْجَحِيمِ صَلْوُهُ ﴿٣١﴾

ثُمَّ فِي سِلْسِلَةٍ ذَرْعُهَا سَبْعُونَ ذِرَاعًا فَاسْلُكُوهُ ﴿٣٢﴾

إِنَّهُ كَانَ لَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ ﴿٣٣﴾

وَلَا يَحِضُّ عَلَى طَعَامِ الْمَسْكِينِ ﴿٣٤﴾

فَلَيْسَ لَهُ الْيَوْمَ هُنَا حَمِيمٌ ﴿٣٥﴾

وَلَا طَعَامٌ إِلَّا مِنْ غَشَلِينَ ﴿٣٦﴾

لَا يَأْكُلُهُ إِلَّا الْخَاطِئُونَ ﴿٣٧﴾

فَلَا أَقْسَمُ بِمَا تُبْصِرُونَ ﴿٣٨﴾

وَمَا لَا تَبْصِرُونَ ﴿٣٩﴾

إِنَّهُ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ﴿٤٠﴾

وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَاعِرٍ قَلِيلًا مَّا تُوْمَنُونَ ﴿٤١﴾

42. Dan juga bukanlah perkataan seorang tukang tilik, sedikit sekali kamu mengambil pengajaran daripadanya.
43. (Al-Quran itu) diturunkan daripada Allah Tuhan semesta alam.
44. Dan jika (Muhammad) mengadadakan dengan perkataan atas (nama) Kami secara dusta.
45. Pasti Kami akan menghukumnya dengan sekeras-kerasnya.
46. Kemudian Kami pasti memotong pembuluh jantungnya (supaya dia mati dengan serta-merta).
47. Maka tiada seorang pun di kalangan kamu yang dapat menghalang.
48. Dan sesungguhnya (al-Quran) itu menjadi peringatan untuk orang yang bertakwa.
49. Dan sesungguhnya Kami benar-benar mengetahui bahawa di kalangan kamu ada yang berdusta.
50. Dan sesungguhnya al-Quran itu akan menimbulkan penyesalan bagi orang kafir.
51. Dan sesungguhnya al-Quran itu kebenaran yang meyakinkan.
52. Maka bertasbihlah dengan nama Tuhanmu Yang Maha Agung.

وَلَا يَقُولُ كَاهِنٌ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٤٢﴾

تَنْزِيلٌ مِّن رَّبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٣﴾

وَلَوْ تَقَوَّلَ عَلَيْنَا بَعْضَ الْأَقْوَابِ ﴿٤٤﴾

لَأَخَذْنَا مِمَّنْهُ بِالْيَمِينِ ﴿٤٥﴾

ثُمَّ لَقَطَعْنَا مِنْهُ الْوَتِينَ ﴿٤٦﴾

فَمَا مِنْكُمْ مِّنْ أَحَدٍ عَنْهُ حَاجِزِينَ ﴿٤٧﴾

وَإِنَّهُ وَلِتَذَكُّرَةً لِلْمُتَّقِينَ ﴿٤٨﴾

وَإِنَّا لَنَعْلَمُ أَنَّ مِنْكُمْ مُّكَذِّبِينَ ﴿٤٩﴾

وَإِنَّهُ لَحَمْرَةٌ عَلَى الْكَافِرِينَ ﴿٥٠﴾

وَإِنَّهُ لِحَقٌّ الْيَقِينِ ﴿٥١﴾

فَسَبِّحْ بِاسْمِ رَبِّكَ الْعَظِيمِ ﴿٥٢﴾